



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
Bil. 18

1hb September 2005

TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 30.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT

LETAK KERETA PERSENDIRIAN

(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2005

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Lesen dikehendaki
4. Bayaran bagi lesen
5. Budi bicara Majlis
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen
7. Kebersihan
8. Perubahan dan tambahan
9. Halangan

10. Kegunaan lain tidak dibenarkan
11. Pencahayaan
12. Keselamatan
13. Pencegahan kebakaran
14. Kuasa untuk memasuki
15. Pengecualian
16. Penalti

Jadual I

Jadual II

Jadual III

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN (MAJLIS DAERAH KERIAN) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuasa kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini boleh dinamakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Kerian) 2005 dan hendaklah dipakai bagi kawasan Majlis Daerah Kerian.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteks ayatnya menghendaki makna yang lain—

“lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan di tempat letak kereta untuk meletak suatu kenderaan motor;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kerian;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat atau pertubuhan perbadanan atau persatuan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“tempat letak kereta persendirian” ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dipunyai atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Majlis atau Kerajaan dan digunakan untuk meletak sepuluh buah kenderaan motor atau lebih dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan tertakluk kepada bayaran fi sama ada mengikut setiap jam atau selainnya;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, termasuk Setiausaha.

Lesen dikehendaki

3. Tiada seorang pun boleh mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika dia memiliki lesen yang sah yang diberikan bagi maksud itu di bawah undang-undang kecil ini.

Bayaran bagi lesen

4. (1) Bayaran yang kena dibayar untuk mendapatkan atau membaharui lesen hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual I.

(2) Sesuatu lesen, melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah terus berkuat kuasa hingga 31 Disember berikutan tarikh mula berkuat kuasanya lesen itu dan boleh dibaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempohnya.

(3) Sesuatu lesen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain dan seseorang pemegang lesen tidak boleh mengendalikan tempat letak kereta persendirian melalui mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu.

Budi bicara Majlis

5. Pemberian sesuatu lesen hendaklah menurut budi bicara Majlis.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

6. Permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen untuk mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam apa-apa borang yang ditetapkan oleh Majlis berserta dengan pendua pelan menunjukkan tempat, susunan tempat letak kereta, dimensi dan muatan tempat letak kereta itu. Semua dimensi dan susunan letak kereta itu hendaklah seperti dalam Jadual II undang-undang kecil ini dan hendaklah mematuhi kehendak dalam Jadual III.

Kebersihan

7. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga tempat letak kereta pesendiriannya supaya dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan bekas sampah yang mencukupi di tempat letak kereta persendiriannya.

Perubahan dan tambahan

8. Pemegang lesen tidak boleh menambahkan atau mengurangkan jumlah lot letak kereta dalam lingkungan tempat letak kereta persendiriannya kecuali dengan kelulusan bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.

Halangan

9. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah yang cukup untuk memastikan bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang aliran lalulintas yang sempurna di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendiriannya.

Kegunaan lain tidak dibenarkan

10. Pemegang lesen tidak boleh menggunakan atau membenarkan untuk digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendiriannya bagi apa-apa maksud selain untuk meletak kenderaan motor kecuali dengan kelulusan bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.

Pencahayaan

11. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup, dan jika tempat letak kereta persendirian itu tertutup, ganti udara yang secukupnya yang memuaskan hati Yang Dipertua.

Keselamatan

12. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Yang Dipertua dan polis untuk memastikan bahawa keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendiriannya.

Pencegahan kebakaran

13. Pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) bahawa alat kelengkapan mencegah kebakaran yang cukup dipasang sehingga memuaskan hati Yang Dipertua;
 - (b) bahawa tangga dan jalan keluar disenggarakan dengan sempurna;
 - (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas daripada segala halangan; dan
 - (d) bahawa tiap-tiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang;
- di tempat letak kereta persendiriannya.

Kuasa untuk memasuki

14. Yang Dipertua, mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya atau polis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi maksud untuk menentukan sama ada—

- (a) tanah atau premis itu ialah atau sedang digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa suatu lesen yang sah yang diberikan berkenaan dengannya; atau
- (b) suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini telah dilakukan.

Pengecualian

15. Yang Dipertua boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan atau kategori orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini atau mengetepikan mana-mana atau kesemua syarat undang-undang kecil ini atau menggantikan mana-mana atau kesemua syarat itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penalti

16. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.



JADUAL I

(Undang-undang Kecil 4(1))

BAYARAN LESEN TAHUNAN

Bilangan lot letak kereta bagi satu tempat letak kereta	Bayaran yang kena dibayar (RM)
10-50	300.00
51-100	450.00
101-200	600.00
201-300	700.00
301-400	1,000.00
401-500	1,200.00
501 ke atas	1,500.00

JADUAL II
(Undang-undang Kecil 6)



JADUAL III

(Undang-undang Kecil 6)

- (1) Ketinggian sebenar bahagian bawah rusuk 7'6"
- (2) Lebar landas angkat atau lebar jalan masuk (tanpa petak tempat letak kereta bersebelahan):
 - (a) Jalan masuk rata sehala 10'0"
 - (b) Landas angkat sehala 12'0"
 - (c) Jalan masuk dan landas angkat dua hala 18'0"
- (3) Kecerunan landas angkat:
 - (a) Landas angkat pendek = 1:8
 - (b) Landas angkat panjang = 1:10
 - (c) Landas angkat tempat letak kereta = 1:20
 - (d) Kecerunan maksimum landas angkat bulat—

Landas Angkat	Tepi Dalam	Tepi Luar
Sehala	1:7	1:11
Dua hala		
(a) Lorong dalam	1:7	1:11
(b) Lorong luar	1:11	1:15

Kecerunan adalah separuh bagi 11' di jalan masuk tiap-tiap tingkat

- (4) Kelok Landas Angkat:
 - (a) Landas angkat sehala—
 - (i) Jejari dalaman - 20' minimum
 - (ii) Jejari luaran - 33' minimum
 - (b) Landas angkat dua hala—
 - (i) Jejari dalaman - 30' minimum
 - (ii) Jejari luaran - 44' minimum
- (5) Jarak aras dari landas angkat ke ruang tempat letak kereta atau dinding - 20'0" minimum
- (6) Jarak dari hujung landas angkat ke ruang tempat letak kereta atau dinding:
 - (a) Landas angkat sehala - 22'0"
 - (b) Landas angkat dua hala - 28'0"

- (7) Garis-garis panduan pandangan untuk keluar:
Tiada dinding atau penghalang lain melebihi 2'0" dari aras lantai boleh dibenarkan untuk jarak 20'0" dari hujung jalan keluar yang rata
- (8) Dimensi minimum ruang tempat letak kereta untuk kereta motor:
(Lihat Jadual II)
- (9) Bulatan pusing (hendaklah disediakan jika jalan masuk dan landas angkat tidak terletak di hujung ruang tempat letak kereta :
35'0" diameter (minimum)
- (10) Lif untuk kereta motor:
- (a) Dimensi—
18'0" x 9'0" (minimum)
 - (b) Kelajuan—
40 kaki/minit
 - (c) Kehendak lain—
 - (i) mematuhi semua kehendak Jabatan Kilang dan Jentera dan Jabatan Bekalan Letrik;
 - (ii) suatu ruang menunggu seluas 10% daripada jumlah muatan tempat letak kereta hendaklah disediakan di sebelah luar atau lorong tempat letak kereta yang diberikan perkhidmatan lif sahaja.

Bertarikh 2 Ogos 2005

[MDK 1555 SJ. 1; P.U.Pk. 80/76 (iii)]

ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
Perak

Disahkan 10 Ogos 2005

[PSUK.Pk.(KT-AM) 30/14 Jld. 2 SJ. 1]

HASIM BIN HASAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak